

Penyimpangan tingkah laku di tempat kerja: terminologi, faktor, tipologi dan kesan

ABSTRAK

Penyimpangan tingkah laku merupakan perbuatan yang dilakukan oleh individu adalah bersifat sukarela yang melanggar norma organisasi dan seterusnya memberi kesan kepada individu atau organisasi atau kedua-duanya sekali. Oleh yang demikian, menjadi keutamaan untuk organisasi memahami dan meneliti isu penyimpangan tingkah laku di tempat kerja kerana individu dan persekitaran yang berbeza menyebabkan perbezaan seseorang bertingkah laku. Pemahaman berkaitan terminologi, faktor, tipologi dan kesan penyimpangan tingkah laku akan memudahkan organisasi merangka pelan pemulihan agar isu penyimpangan tingkah laku dapat dibendung dari peringkat awal. Mengatasi isu penyimpangan tingkah laku di tempat kerja akan memberi implikasi positif kepada pengurusan dan kewangan organisasi dan seterusnya mewujudkan persekitaran yang positif dan kondusif di tempat kerja.

Keyword: Deviant behavior; Terminology; Factors; Typologies; Effects